

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD  
[ LIPIS ]**

**TARIKH : 7 MAC 2018 (RABU)**

**Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [ Lipis ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan tindakan yang telah diambil dan keberkesanannya dalam menangani isu peningkatan kos sara hidup rakyat pada ketika ini.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sememangnya peka dan prihatin terhadap isu-isu melibatkan taraf hidup rakyat pada masa kini. Pelbagai inisiatif dan program telah diambil bagi memastikan taraf hidup rakyat di negara dijaga, antara lainnya ialah seperti berikut:

- i) Menubuhkan **Majlis Tindakan Sara Hidup Negara** bagi memberi tumpuan kepada pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang proaktif bagi mendepani cabaran kenaikan kos sara hidup serta membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan lebih berkesan;
- ii) Menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga;
- iii) Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** semasa 6 perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas;
- iv) Menghadkan kadar faedah **maksimum bagi transaksi jualan kredit** kepada 15% setahun berbanding sebelumnya yang mencecah sehingga 40% setahun;
- v) Melaksanakan program **Penyeragaman Harga Barang Perlu** bagi membolehkan masyarakat di kawasan pendalaman memperolehi barang-barang keperluan pengguna seperti

- beras, gula, minyak masak, tepung gandum, LPG, petrol RON 95 dan diesel pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan;
- vi) Mengadakan **kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani** (MOA) bagi meningkatkan bekalan makanan melalui program-program seperti Program Stok Bekalan Makanan, Program Jualan Ikan Segar Beku (Q-Fish) dan sebagainya;
  - vii) mewujudkan ***MyFARM Outlet*** dengan kerjasama MOA serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi membolehkan rakyat memperoleh barang keperluan makanan pada harga yang berpatutan; dan
  - viii) menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan.

Selaras dengan matlamat sebagai **Caring Ministry**, Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini memberikan kesan yang positif kepada rakyat dalam menangani isu harga barang dengan lebih baik, demi meningkatkan kesejahteraan rakyat.